

30 OCT 1997

G15-Indonesia

PENGUSAHA INDONESIA DIGESA TINGKAT EKSPORT KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Pengusaha Indonesia hendaklah merebut peluang untuk meningkatkan eksport barangan negara itu ke Malaysia berikutan kejatuhan nilai ringgit, kata Aood thardagangan republik itu di sini Ferry Yahya.

"Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa kejatuhan ringgit dan matawang negara lain di rantau Asean memberikan satu kesempatan kepada produk Indonesia memasuki pasaran Malaysia secara lebih meluas perlu diberi perhatian," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat persediaan pegawai-pegawai kanan perdagangan dan ekonomi G15 di sini hari ini.

Ferry berkata, peluang itu mesti direbut kerana Malaysia sememangnya berharap untuk mendapatkan produk-produk bahan mentah dari negara-negara membangun yang tidak menggunakan dolar Amerika sebagai matawang utama mereka.

"Bagi kami pasaran Malaysia masih terbuka luas. Sebagai contoh, kita lihat eksport kertas. Kita hanya mengeksport 10 peratus berbanding dengan keperluan import mereka untuk kertas iaitu US\$1 bilion setahun," katanya.

Beliau berkata sepanjang lima tahun kebelakangan ini, eksport utama Indonesia ke Malaysia ialah peralatan pejabat, kertas, tekstil, produk-produk berasaskan marin seperti ikan dan pakaian.

Ferry berkata produk-produk kimia dan makanan juga boleh dieksport ke Malaysia.

Pada masa ini Malaysia mengeksport jentera, makanan terutamanya barangan modal dan produk-produk teknologi maklumat (IT) memandangkan Malaysia kini menggalakkan infrastruktur di bidang IT dengan pembangunan Koridor Raya Multimediana, katanya.

Beliau berkata Indonesia sedia memberi input kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tentang kemampuan negara itu khususnya dalam penyediaan barang-barang modal.

"Tentunya kita sudah cukup kuat dan tekstil kita cukup besar, jadi Malaysia terutamanya memerlukan barang modal cukup besar kerana kita lihat importnya mencapai 40 peratus daripada jumlah import mereka untuk barang-barang modal," katanya.

Ditanya mengenai keadaan jerebu yang teruk di negara itu dan juga di negara-negara lain di rantau ini, Ferry berkata beliau tidak fikir keadaan itu boleh menjejaskan pelaburan asing ke Indonesia dan negara-negara terlibat kerana masalah itu akan diatasi sebaik mungkin.

Mengenai mesyuarat persiapan untuk sidang peringkat menteri yang berlangsung hari ini, Ketua Pengarah Perhubungan Ekonomi Asing di Kementerian Luar Indonesia Soemardi Brotodiningrat berkata para pegawai diberi taklimat oleh negara tuan rumah berhubung agenda yang akan dibincang bagi memastikan ia berjalan lancar dan teratur.

Katanya, agenda termasuk kerjasama perdagangan dan mobilisasi, penglibatan sektor swasta dan kerjasama pelbagai hala. -- BERNAMA

ZAB AKD